

# Batalion 4 PGA tumpas penyeludupan rokok haram

**Tanjong Karang:** Batalion 4 Pasukan Gerakan Am (PGA) menumpaskan sindiket penyeludupan rokok seludup bernilai RM875,000 selepas menahan seorang lelaki dalam serbuan berhampiran sebuah bangunan di Jalan Kilang Padi, di sini, petang kelmarin.

Pegawai Pemerintah Batalion 4 PGA, Superintendant Rizal Mohamed, berkata penahanan suspect berusia 38 tahun pada jam 3.30 petang itu membawa kepada penemuan 4,900 karton rokok seludup pelbagai jenama yang disembunyikan di bahagian belakang sebuah lori dan kereta.

“Nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM942,460,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, tahanan dan rampasan dibawa ke Balai Polis Tanjong Karang untuk tindakan lanjut mengikut Akta Kastam 1967.

“Tangkapan dan rampasan ini berjaya memutuskan satu sindiket pengedaran dan penjualan rokok tidak bercukai di sekitar Kuala Selangor,” katanya.